

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 44 – SURAH AD-DUKHAN



<https://youtu.be/wEwmTrl3v7U>

VIDEO – [Durasi – 13m 46s] – SURAH AD-DUKHAAN– Tafsir (Struktur Makro) – Maulana Muhd Asri Yusoff

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 44 – SURAH AD-DUKHAN

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:37](#) – Mesej Utama
- 2- [04:55](#) – Zaman Diturunkan Dan Latar Belakangnya
- 3- [07:29](#) – Perkaitan Surah Ad-Dukhan Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya
- 4- [08:57](#) – Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah
- 5- [09:00](#) – a. Di dalam surah ad-Dukhan, al-Qur'an dikatakan sebagai "kitab mubin" (kitab yang jelas)
- 6- [09:26](#) – b. Tuduhan orang-orang Quraisy bahawa Rasulullah s.a.w. gila, dirasuk dan diajar oleh pihak tertentu.
- 7- [10:33](#) – c. Awal-awal lagi seruan al-Qur'an kepada tauhid uluhiyyah dikemukakan.
- 8- [11:14](#) – d. Di dalam ayat ke 9, dinyatakan keraguan orang-orang Quraisy dengan menggunakan perkataan "imtira' "
- 9- [11:40](#) -e. Antara jenayah yang dilakukan oleh Fira`aun ialah sikapnya yang bermaharajalela di muka bumi.
- 10- [12:17](#) – f. Kisah bagaimana Bani Israil terselamat daripada kezaliman Fira`aun dikemukakan.
- 11- [12:27](#) – g. Salah satu sifat Allah dikemukakan bahawa Dia menghukum orang-orang yang zalim
- 12- [12:36](#) – h. Di dalam surah ini, orang-orang Quraisy diberi amaran sebanyak 2 kali menggunakan perkataan "fartaqib" (Tunggulah).
- 13- [13:10](#) – i. Pada hari kiamat nanti, langit akan kembali menjadi asap.

SINOPSIS

=====

MESEJ UTAMA SURAH AD-DUKHAAN

=====

1. Balasan buruk yang akan diterima oleh orang-orang yang menolak seruan al-Quran dan mengingkari aqidah tauhid dan aqidah adanya hari akhirat ialah kebinasaan di dunia dan akan masuk neraka.
2. Demikian juga balasan kepada orang-orang yang mengikut jejak langkah Fir'aun yang memuja dunia dan mencari pengaruh dan kedudukan yang tinggi di muka bumi dengan jalan yang tidak benar.

=====

TEMA UTAMA DAN PENGAJARAN DARI SURAH AD-DUKHAAN

=====

1. Sikap Fir'aun dalam "bermaharajalela" di muka bumi adalah hasil dan akibat daripada aqidah syirik:
 - a) dalam menerima orang lain selain Allah membuat peraturan dan undang-undang kepada manusia dan,
 - b) kerana menerima orang lain selain Allah sebagai hakim dan pemutus perkara.
2. Allah menghukum orang-orang yang zalim dan membinasakan penjenayah-penjenayah kemanusiaan.

NOTA KULIAH LENGKAP– MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

NOTA TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 44 – AD-DUKHAN

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/44.-surah-ad-dukhan.pdf>]